

TEKNIK PENGAMALAN KHALWAH DALAM TARIQAH DI MALAYSIA

Ahmad Najaa' Mokhtar

Abstrak

هذا البحث يحاول أن يناقش الموضوع من حيث التقنيات في تطبيق الخلوة الصوفية في ماليزيا. وبالتالي سيتناول البحث عن مفهوم الخلوة في علم التصوف ومصدرها الأساسي. والغرض من الخلوة في علم التصوف تكميل الشرع من الناحية العملية وتطهير القلوب من الصفات المذمومة وتبديلها بالصفات الحمودة للتقرب إلى الله سبحانه وتعالى. كما أنه يتكلم عن أهمية الخلوة من حيث عمليتها وتطبيقها وآراء العلماء عنها ويذكر كذلك أنواع الخلوة مما يسهم في تقسيم الخلوات في الطرق الصوفية. وقد أجريت دراسة وصفية على ممارسي الخلوة (الخلوتي) تشتمل على مشائخ الطرق الصوفية ومريديهم. وقد تم جمع البيانات من خلال البحوث الميدانية (المقابلات) والمكتبات البحثية. وكانت المقابلات من قبل بعض المشائخ لدراسة التقنيات والملاحظة في خلواتهم. ومن المتوقع ان نتائج هذه الدراسة لتتقدم الأفكار والتوصيات إلى الأطراف ذات الصلة بما في ذلك السالك أنفسهم خاصة وإصلاح المجتمع ومعالجته في مشكلة انخفاض الأخلاقية في المجتمع الإسلامي اليوم. وبالتالي، يتحقق الجهود المبذولة لبناء الإنسان الكامل تمشيا مع الهدف الرئيسي لهذه الممارسة نفسها.

Abstract

This study discusses the techniques of the khalwah (seclusion) between two main orders, namely Naqshabandiyyah and Ahmadiyyah in Malaysia. Thus, the explanation of the concept of khalwah by

sufism are based on authentic sources of Islam i.e. al-Quran, al-Hadith and consensus of scholars and qiyas. Furthermore, the khalwah that is practiced in sufism which has many types and forms will also be discussed critically. Indeed the real aim of khalwah is to complete and fulfill the shara' requirements from the aspect of interior dimension i.e. purification of the soul. This involves the process of cleaning the soul from blameworthy qualities and substituting it with praiseworthy qualities in order to get close to Allah SWT. This study is conducted by interview with some sufi teachers and their mureeds in order to obtain an accurate information. the research is futher supplemented with and strengthened by library research. The result of the study is hoped to give inputs for those practices in the khalwah to be in line with the teaching of shara'.

Pendahuluan

Khalwah merupakan satu sistem latihan kerohanian yang digunakan bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Bentuk dan coraknya adalah sama dengan *i'tikāf*, tetapi bukanlah di masjid walaupun ada yang dilakukan di dalamnya juga. Tempohnya tidak terhad dalam kalangan ahli sufi tetapi dalam hadith menyebutkan Nabi Musa *a.s* bermunajat selama 40 hari.¹

Ia juga adalah berdasarkan amalan Nabi Muhammad SAW yang *bertahannuth*² di gua Hira' beberapa lama hinggalah diturunkan wahyu yang mengangkatnya menjadi nabi dan rasul seperti yang terdapat di dalam kitab Sahih al-Bukhari³. Sekurang-kurangnya masa ber*khalwah* ialah tiga hari tiga malam, kemudian tujuh hari dan sebulan, inilah masa yang bertepatan dengan amalan Nabi SAW.⁴

Semasa ber*khalwah* seseorang itu mengasingkan diri daripada orang ramai dan melupakan perkara-perkara dunia untuk sementara waktu.

Apabila tidak bersama orang ramai, maka dia terselamat daripada gangguan yang mungkin datang daripada mereka dan juga mereka terselamat daripada gangguan yang mungkin datang daripadanya. Pengasingan tersebut boleh menyelamatkan ahli *khalwah* itu daripada anasir yang boleh merosakkannya melalui sifat *mazmumah* dan nafsunya. Dalam pengasingan itu juga dia melatih dirinya bagi memperoleh perkembangan kerohanian, dan terpisah daripada sifat-sifat yang tercela dan digantikan dengan sifat-sifat yang terpuji. Semasa ber*khalwah*, amal ibadat seperti bersembahyang dan berzikir dilakukan dengan banyaknya. Dorongan hawa nafsu dikurangkan dengan cara menyedikitkan makanan, tidur dan berkata-kata. Bila kurang berkata-kata hati menjadi tidak lalai dalam mengingat Tuhan. Walau bagaimanapun, amalan *khalwah* ini perlulah dipimpin oleh guru *mursyid*⁵ yang benar-benar kenal Allah (*'Ārif Billāh*) yang berkebolehan mengajarnya jika dia jahil, mengingatkannya jika dia lalai, memberi semangat jika dia lemah dan membantunya untuk menghalang dari was-was syaitan serta lintasan nafsu⁶.

Pengamalan *khalwah* masih diamalkan lagi oleh beberapa tariqah di Malaysia walaupun jumlah pengamalannya tidak ramai. Justeru, penulis merasakan satu keperluan kepada masyarakat untuk mengenali lebih dekat dan jelas bagaimana pengamalan itu dilakukan, di samping menolak segala kekeliruan dan salahfaham terhadap amalan tersebut. Tulisan ini akan menumpukan perbincangan mengenai teknik pengamalan *khalwah* dalam tariqah di Malaysia terutamanya tariqah Naqshabandiyyah Khalidiyyah dan tariqah Ahmadiyyah. Perkara-perkara yang akan disentuh di sini ialah pengertian *khalwah* sebagaimana yang digariskan oleh al-Quran, al-Sunnah serta para cendekiawan Islam. Kepentingan *khalwah* dalam tariqah juga dibicarakan selain dari jenis-jenis *khalwah* yang diamalkan di Malaysia turut dijelaskan. Akhirnya, tulisan ini akan menyentuh cara dan teknik *khalwah* yang diamalkan dalam institusi tariqah di Malaysia.

Konsep *khalwah*

Istilah *khalwah* dalam bahasa Arab membawa pelbagai maksud. Akan tetapi dalam tasawuf, syeikh al-Jurjani menyebut *khalwah* dimaksudkan sebagai bicara secara rohani dengan Allah SWT tanpa diketahui oleh seseorang ataupun malaikat.⁷ Manakala Ibn 'Ajibah pula memberikan maksud mengasingkan diri daripada manusia.⁸ Demikian juga Najm al-Din al-Kubra mendefinisikan *khalwah* iaitu hubungan langsung dari makhluk kepada pencipta (*al-Khāliq*).⁹

Dari pengertian di atas dapat dilihat bahawa *khalwah* terbahagi kepada dua bahagian iaitu *khalwah* zahir dan *khalwah* batin seperti mana yang disebut oleh al-Khani bahawa *khalwah* zahir iaitu seseorang *salik* itu bersendirian di dalam rumah yang jauh dari orang ramai bagi mencapai tahap yang membolehkannya untuk menerokai alam *Malakut* dan tahap memandang ke alam *Jabarut* kerana jika pancaindera yang zahir sudah mencapai ke tahap yang tinggi maka ia akan membantu pancaindera batin untuk menerokai tanda-tanda di alam *Malakut* seterusnya dibukakan pula rahsia-rahsia di alam *Jabarut*.¹⁰ Manakala *khalwah* batin pula ialah menjadikan batin pada keadaan memandang akan rahsia-rahsia Allah sementara zahirnya dalam keadaan bergaul dengan makhluk yang mana pergaulan zahirnya tidak mengganggu keadaan batin yang sedang *mushahadah*.¹¹ Dari kedua-dua penerangan di atas dapat kita simpulkan bahawa *khalwah* zahir adalah pembuka kepada *khalwah* batin. Ini merupakan kesinambungan dan kaitan yang kuat di antara kedua-duanya. Seolah-olah *khalwah* batin tidak akan tercapai tanpa melalui proses *khalwah* zahir terlebih dahulu. Ini adalah kerana pencapaian seseorang *salik* dalam *khalwah* zahir tersebut akan membantu kepada peningkatan kerohaniannya dan seterusnya mampu untuk mencapai ke peringkat *khalwah* batin yang merupakan *khalwah* yang sebenar-benarnya dan dituntut seperti yang diungkapkan oleh Ibn 'Ajibah dengan kata-kata hikmahnya yang bermaksud;

*Bagaimana hati hendak sunyi dalam semua keadaan jika seseorang itu tidak mengasingkan diri.*¹²

Khalwah juga sinonim dengan perkataan '*uzlah*. Selain itu, perkataan *i'tikaf*, *tahannuth*, '*arba'in*iyah dan suluk juga digunakan untuk maksud *khalwah*. Ibn 'Ajibah menerangkan maksud '*uzlah* ialah hati menyendiri dengan Allah¹³. Adapun '*uzlah* pada pandangan al-Jurjani bermaksud keluar dari pergaulan sesama makhluk (manusia) dengan mengasingkan diri¹⁴. Didapati pada kedua-dua pengertian tersebut secara langsung membawa makna '*uzlah* secara zahir mahupun batin. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa *khalwah* dan '*uzlah* memberi pengertian yang sama.

Sementara perkataan *i'tikaf* pada pandangan al-Jurjani ialah mengosongkan hati dari kesibukan dunia dan menyerahkan diri kepada Allah.¹⁵ Disebutkan juga bahawa maksud *i'tikaf* ialah *Iqāmah* yang bererti menetap di suatu tempat tanpa berganjak.¹⁶ Ini juga sama maksudnya dengan *khalwah* yang dibincangkan di sini. Manakala perkataan *tahannuth* pula bermaksud beribadat.¹⁷ Ini adalah merujuk kepada amalan Rasulullah SAW ketika berada di dalam gua Hira' berseorangan, jauh dari masyarakat dan kaum keluarga selama beberapa tahun hingga akhirnya disudahi dengan penurunan wahyu. Kisah tersebut terdapat dalam kitab-kitab hadis. Oleh demikian, *tahannuth* merupakan sinonim dengan perkataan *khalwah*. Walau bagaimanapun perkataan ini tidak lagi digunakan untuk maksud *khalwah*. Adapun perkataan suluk pula merujuk kepada istilah yang diguna pakai oleh masyarakat Melayu di nusantara yang membawa sama maksud dengan *khalwah*. Maksud perkataan ini dijelaskan dalam Kamus Dewan bahawa suluk itu pengasingan diri. Ia juga sama erti dengan *khalwat*.¹⁸

Kesimpulannya dapat kita perhatikan dari pengertian yang diberi oleh Syeikh Zarruq bahawa *khalwah* itu lebih khusus dari '*uzlah*, manakala bentuk dan coraknya adalah sama dengan iktikaf, tetapi bukanlah di masjid walaupun ada yang dilakukan di dalamnya juga. Tempohnya tidak terhad dalam kalangan ahli sufi tetapi dalam hadis menyebutkan Nabi Musa *a.s* bermunajat selama 40 hari.¹⁹

Kepentingan *khalwah* dalam *tariqah*

Khalwah merupakan sunnah yang dilakukan oleh para nabi dan orang-orang soleh. Ianya berasaskan dari petikan ayat Quran yang menyuruh nabi supaya berzikir dengan penuh tumpuan tanpa mengira waktu siang atau malam melalui firman-Nya:

وَاذْكُرْ اسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَبْتِيلًا

*Maksudnya: Dan sebutlah (dengan lidah dan hati) akan nama Tuhanmu (terus menerus siang dan malam), serta tumpukanlah (amal ibadatmu) kepadanya dengan sebulat-bulat tumpuan.*²⁰

Menurut Imam al-Razi, ayat di atas menunjukkan dua perkara iaitu berzikir dan penumpuan (*al-Tabattul*) dalam berzikir. Allah SWT telah menyebutnya dalam beberapa ayat lain supaya menyebut nama-Nya secara lisan pada peringkat awalnya dalam tempoh tertentu hingga lenyaplah nama yang disebutkan hanya yang tinggal Allah sahaja di dalam hatinya. Peringkat pertama itulah yang dimaksudkan di sini. Sementara peringkat yang kedua iaitu disebut dalam surah yang lain yang bermaksud:

“Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu”.²¹

Memberi bermaksud hendaklah kamu memberi tumpuan dalam mengingati tuhanmu. Itupun jika kamu sudah mencapai *maqām* tafakur akan nikmat-nikmat yang dikurniakan-Nya. Sekiranya kamu terus-menerus dalam *maqām* tersebut maka hati kamu tidak lagi berpaling pada dunia dan ketika itu meningkatlah *maqām* hingga hanya tertumpu pada mengingati tuhan-Nya sahaja.²² “Petikan tersebut membawa maksud bahawa berzikir mestilah disertai dengan tafakkur. Ini adalah syarat utama dalam amalan berzikir yang akan membawa ahli zikir tersebut kepada tingkatan *Īhsān* seperti mana yang disebut di dalam hadis Jibril.

Jika kita imbas kembali sejarah Rasulullah SAW ketika baginda belum diangkat menjadi utusan Allah dan hingga baginda wafat, kita dapati bahawa amalan *khalwah* ini dilakukan di gua Hira' dan sewaktu berada di Madinah, baginda turut ber*khalwah* dalam masjidnya yang dikenali sebagai *i'tikāf*. Begitu juga amalan yang sama dilakukan oleh nabi Allah Musa *a.s* sewaktu berada di puncak gunung Tursina yang mana Allah SWT merakamkan *khalwah* tersebut dengan firman-Nya:

وَوَاعَدْنَا مُوسَى ثَلَاثِينَ لَيْلَةً وَأَتَمَمْنَاهَا بِعَشْرٍ فَتَمَّ مِيقَاتُ رَبِّهِ
 أَرْبَعِينَ لَيْلَةً وَقَالَ مُوسَى لِأَخِيهِ هَارُونَ اخْلُفْنِي فِي قَوْمِي
 وَأَصْلِحْ وَلَا تَتَّبِعْ سَبِيلَ الْمُفْسِدِينَ (42) وَلَمَّا جَاءَ مُوسَى
 لِمِيقَاتِنَا وَكَلَّمَهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّ أَرِنِي أَنْظُرْ إِلَيْكَ قَالَ لَنْ تَرَانِي
 وَلَكِنْ أَنْظُرْ إِلَى الْجَبَلِ فَإِنِ اسْتَقَرَّ مَكَانَهُ فَسَوْفَ تَرَانِي فَلَمَّا
 تَجَلَّى رَبُّهُ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَى صَعِقًا فَلَمَّا أَفَاقَ
 قَالَ سُبْحَانَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ (43)

Maksudnya:

Dan kami telah janjikan masa kepada Nabi Musa (untuk memberikan Taurat) selama tiga puluh malam, serta Kami genapkan jumlahnya dengan sepuluh malam lagi, lalu sempurnalah waktu yang telah ditentukan oleh Tuhannya empat puluh malam. Dan berkatalah Nabi Musa kepada saudaranya Nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat): "Gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaumku dan perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku), dan janganlah engkau menurut jalan orang-orang yang melakukan kerosakan".

Dan ketika Nabi Musa datang pada waktu yang Kami telah tentukan itu, dan Tuhannya berkata-

kata dengannya, maka Nabi Musa (merayu dengan) berkata: "Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku (ZatMu Yang Maha Suci) supaya aku dapat melihatMu". Allah berfirman: "Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu, tetapi pandanglah ke gunung itu, maka kalau ia tetap berada di tempatnya, nescaya engkau akan dapat melihatKu", Setelah Tuhannya "Tajalla" (menzahirkan kebesaran-Nya) kepada gunung itu, (maka) "TajalliNya" menjadikan gunung itu hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pingsan. Setelah ia sedar semula, berkatalah ia: "Maha Suci Engkau (wahai Tuhanku), aku bertaubat kepadaMu, dan akulah orang yang awal pertama beriman (pada zamanku)".²³

Kisah tersebut menguatkan lagi amalan *khalwah* sebagai amalan yang dilakukan oleh para nabi dan merupakan teladan serta amalan yang sangat disukai oleh Allah SWT. Ayat-ayat yang disebut di atas bukan sahaja menggambarkan perintah Allah supaya Nabi Musa ber*khalwah* selama 40 hari malah menjelaskan kepada kita bagaimana perubahan-perubahan kerohanian yang berlaku pada Nabi Musa sewaktu menjalani *khalwah* tersebut. Dari sudut tersebut maka dapat kita bayang bagaimana liku perjalanan orang ber*khalwah* ketika mereka mengharunginya. Walaupun mereka tidak berada dalam situasi kerohanian yang sama dengan Nabi Musa akan tetapi mereka merasai perubahan-perubahan dalam kerohanian tersebut. Sebab itulah amalan *khalwah* ini sangat dituntut oleh Allah SWT kerana ia merupakan satu jalan yang mendorong seseorang itu mendekati diri kepada-Nya dengan cara yang cepat.

Imam Shafie yang terkenal dengan mazhab fekahnya dan dipegang mazhabnya oleh majoriti umat Islam di nusantara turut belajar ilmu tasawuf dan pernah mengajak kita untuk ber*khalwah* menerusi kata-katanya yang terkenal:

Sesiapa yang mahu dibukakan (berbagai hijab) hatinya oleh Allah dan Allah akan memberikan ilmu

(secara ladduni), maka wajiblah ia berkhalwat, wajiblah ia mengurangkan makan, wajiblah ia menjauhi dari orang-orang yang bodoh dan wajib juga menjauhkan diri dari sebahagian ulama', iaitu ulama' yang mengikutkan hawa nafsu dan ulama' yang tidak beradab sopan.²⁴

Oleh iu, dapat disimpulkan bahawa *khalwah* merupakan amalan para nabi dan orang-orang soleh yang sememangnya digalakkan oleh Allah dalam syariat Islam. Ia adalah sebahagian daripada ajaran ilmu tasawuf yang merupakan bahagian penting bagi mencapai tingkatan kerohanian yang tertinggi. Melalui *khalwah* membolehkan seseorang mukmin mendapat kurnia daripada Allah dengan memahami hakikat-Nya dan mencapai makrifatullah. Sebab itulah imam Ghazali sanggup meletakkan jawatan, menjual semua harta dan berpindah daripada kota Baghdad ke Kota Damsyik semata-mata ingin belajar ilmu tasawuf dan *berkhalwah* sehingga beliau dikurniakan makrifatullah. Mengenai perkara tersebut beliau menyimpulkan dengan katanya yang masyhur:

فأما معرفة الله تعالى وصفاته وأفعاله وجميع ما أشرنا إليه في علم المكاشفة فلا يحصل من علم الكلام بل يكاد أن يكون الكلام حجبا عليه ومانعا عنه وإنما الوصول إليه بالمجاهدة التي جعلها الله سبحانه مقدمة للهداية.

Maksudnya:

Makrifatullah, sifat-sifat, perbuatan-Nya dan semua perkara yang telah kami nyatakan dalam topik 'Ilm Mukashafah (terdahulu) tidak mungkin boleh dicapai oleh seseorang menerusi (mempelajari) Ilmu Kalam. Bahkan berkemungkinan besar Ilmu Kalam tersebut menjadi penghalang utama yang menghidjapkan seseorang daripada mengenal Allah. Sebaliknya, cara sebenar (untuk mengenal Allah) ialah melalui mujahadah (bersungguh-sungguh mengerjakan ibadat) yang telah dijadikan Allah sebagai permulaan bagi hidayat-Nya.²⁵

Jenis-jenis *Khalwah*

Dalam perbincangan lalu telah dibicarakan pembahagian *khalwah*. Manakala di sini kita akan menyentuh jenis-jenis *khalwah* yang diamalkan oleh ahli tariqah yang menjalani *khalwah*. Justeru, kita dapati bahawa pengamal *khalwah* melakukan amalan tersebut dengan dua bentuk iaitu sama ada sendirian atau berjemaah.

Adapun *khalwah* secara sendirian iaitu bersendirian di rumah atau di bilik atau di khemah atau di tempat yang sunyi sekira-kira tidak mendengar dan tidak mendapat gangguan di sekitarnya. Amalan sebegini adalah di cedok dari perlakuan Rasulullah SAW ketika bertahannuth di gua Hira'. Demikian juga *mīqāt* Nabi Musa dengan Tuhannya dijadikan teladan bagi ahli sufi untuk menjalani *khalwah* tersebut. Kisah saidatina Maryam yang beriktikaf di mihrab dalam masjid juga merupakan satu lagi amalan yang boleh dijadikan model kepada kita. Oleh itu, kita dapati bahawa amalan *khalwah* secara sendirian ini dipraktikkan oleh para nabi dan orang yang terdahulu.

Sementara *khalwah* berjemaah pula menggambarkan sekelompok manusia berkumpul di suatu tempat yang tertentu melakukan amalan ber*khalwah* bersama-sama. Perkara ini adalah bertepatan dengan amalan nabi, isteri-isteri dan sahabat-sahabat baginda SAW sewaktu di bulan Ramadhan. Kisah mereka beriktikaf di masjid bersama-sama tidak asing lagi bagi kita seperti yang disebut di dalam hadith yang terkenal yang bermaksud:

Dari 'Aisyah r.a.h "Sesungguhnya Nabi SAW telah beriktikaf sepuluh hari terakhir di bulan Ramadhan hingga Allah 'Azza Wa Jalla mewafatkannya kemudian isteri-isteri baginda meneruskan amalan iktikaf tersebut"²⁶

Hadith ini menunjukkan bahawa amalan iktikaf di masjid telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW secara beramai-ramai kerana ungkapan “kemudian isteri-isteri baginda meneruskan amalan iktikaf tersebut”

memberikan gambaran kepada kita bahawa mereka juga pernah melakukannya ketika bersama nabi sebelum ini.

Dari ulasan di atas dapat disimpulkan bahawa *khalwah* terdapat dua jenis; *khalwah* bersendirian dan juga *khalwah* berjemaah. Keduanya adalah berasaskan amalan para nabi dan orang-orang soleh. Oleh demikian, amalan seperti *berkhalwah* ini boleh dilakukan sama ada bersendirian atau berjemaah akan tetapi *khalwah* tersebut perlulah dibimbing oleh guru yang telah diijazahkan untuk menjalani *khalwah* supaya tidak berlaku perkara-perkara yang menyalahi syarak dan nilai-nilai agama Islam.

Teknik Pengamalan *khalwah*

a. Tariqah Naqshabandiyyah Khālidiyyah

Pengasas tarekat ini dikenali sebagai Syeikh Bahā' al-Dīn Muhammad Shah Naqshaband.²⁷ Dari situlah timbulnya nama Tariqah Naqshabandiyyah. Sementara perkataan Khālidiyyah pula diambil sempena nama syeikh Khālid al-Naqshabandī al-Mujaddidī al-'Uthmānī.²⁸ Ini adalah kerana beliau merupakan seorang tokoh pembaharuan (*al-Mujaddid*) dalam tariqah tersebut. Selain dari Tariqah Naqshabandiyyah Khālidiyyah terdapat juga Tariqah Naqshabandiyyah Mazāhiriyyah²⁹ dan Tariqah Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah.³⁰ Walaupun berasal dari rumpun yang sama akan tetapi pendekatan amalan berbeza. Tariqah Naqshabandiyyah Khalidiyyah sahaja yang menjalani *al-Khalwah al-Jasadiyyah* (*khalwah* zahir) manakala yang lain mengatakan mereka beramal dengan melalui konsep *al-Khalwah Fi al-Jalwah* (*khalwah* batin).

Di Malaysia kebanyakan pengamal Tariqah Naqshabandiyyah Khālidiyyah menjalani *khalwah*. Hampir kesemuanya mengamalkan *khalwah* dengan teknik yang sama walaupun terdapat beberapa perkara kecil yang tidak diamalkan bersama.

Kaedah Pengamalan Tariqah Naqshabandiyyah Khalidiyyah

Sebelum seseorang ingin menjalani *khalwah*, perkara yang perlu dititik beratkan ialah janji setia kepada Allah melalui *Bai'ah* yang dilakukan oleh guru tarekat berkenaan dengan muridnya. Janji setia tersebut adalah berdasarkan perbuatan Nabi SAW yang telah melakukannya dengan beberapa orang sahabat yang dikenali sebagai *Bai'ah al-Ridhwān*. Dalam Quran ada merakamkan perjanjian tersebut dengan firman-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ
فَمَنْ نَكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَى نَفْسِهِ وَمَنْ أَوْفَى بِمَا عَاهَدَ
عَلَيْهِ اللَّهُ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا (10)

Bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya; dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar.³¹

Murid yang telah menerima *Bai'ah* tersebut dikehendaki melakukan amalan zikir bersungguh-sungguh sebagaimana yang diajar. Setelah itu barulah murid tersebut dikehendaki meminta izin gurunya untuk ber*khalwah*. Kebiasaan *khalwah* dalam Tariqah Naqshabandiyyah Khāliidiyyah dilakukan di suatu tempat yang telah ditetapkan oleh guru. Dalam pengamalan *khalwah* tersebut pengamal tarekat yang terdiri daripada guru dan anak-anak muridnya akan melakukan

kegiatan tersebut bersama-sama. Oleh itu, jenis yang digunakan dalam pengamalan *khalwah* tersebut ialah *khalwah* secara berjemaah. Bukan sekadar itu, mereka juga mengamalkan *khalwah* secara bersendirian seperti yang akan dinyatakan nanti.

Dalam Tariqah Naqshabandiyyah Khālidiyyah terdapat beberapa adab yang perlu dijaga dan dipelihara. Adab-adab tersebut terbahagi kepada tiga bahagian; adab sebelum *khalwah* tujuh perkara, adab semasa *khalwah* dua puluh satu perkara dan adab sesudah *khalwah* sembilan perkara.³² Manakala syarat-syarat yang perlu ada untuk menjalani *berkhalwah* pula dua puluh perkara.³³ Pada hemat penulis, penjelasan dan huraian mengenai adab-adab dan syarat-syarat *khalwah* ini perlu kepada perbincangan yang lain disebabkan kekangan tulisan yang ringkas. Perkara-perkara tersebut boleh dirujuk di dalam banyak kitab tasawuf yang berkenaan dengan *khalwah*.

Sementara perjalanan *khalwah* pula akan dilakukan selama 10 atau 20 hari atau 40 hari. Bilangan tempoh *berkhalwah* selama 10 dan 20 hari adalah berdasarkan hadith Nabi SAW yang bermaksud:

*Dari Abu Hurairah r.a telah berkata: Sesungguhnya Nabi SAW beriktikaf setiap bulan Ramadhan selama sepuluh hari. Tatkala tiba tahun baginda wafat baginda telah beriktikaf selama dua puluh hari.*³⁴

Sementara bilangan 40 hari pula terbitnya dari kisah Nabi Musa a.s yang bermunajat dan *berkhalwah* selama empat puluh hari di bukit Tursina seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan kami telah janjikan masa kepada Nabi Musa (untuk memberikan Taurat) selama tiga puluh malam, serta Kami genapkan jumlahnya dengan sepuluh malam lagi, lalu sempurnalah waktu yang telah ditentukan oleh Tuhannya empat puluh malam. Dan berkatalah Nabi Musa kepada saudaranya Nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat):

"Gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaumku dan perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku), dan janganlah engkau menurut jalan orang-orang yang melakukan kerosakan".³⁵

Permulaan *khalwah* tersebut dilakukan pada hari Isnin atau Khamis³⁶ selepas solat Asar yang diikuti dengan majlis Khatam Khujakan.³⁷ Setelah selesai majlis tersebut berlangsung maka setiap pengamal akan masuk ke tempat *khalwah* masing-masing untuk meneruskan zikir seperti yang telah diajar oleh guru yang memimpin. Titik-tolak *khalwah* bermula di sini dengan memperbanyakkan zikir dan tafakur serta menghayati ajaran yang diberikan. Sekiranya terdapat apa-apa hasil dari zikir (*natijah*) maka bersegeralah bertemu dengan guru untuk mendapat keterangan dan penjelasan yang sepatutnya tanpa membuat andaian sendiri terlebih dahulu. Setelah melapor, pengamal dikehendaki menyimpan segala rahsia yang diperolehinya dengan baik.

Setiap pengamal diwajibkan solat berjemaah dan menyertai majlis Khatam Khujakan dan Tawajuh sepanjang *khalwah* dilakukan. Majlis Khatam Khujakan dilakukan setiap kali sesudah solat Asar, manakala majlis Tawajuh pula dijalankan setiap kali selepas solat Zohor. Sementara majlis Khatam Khujakan dan Tawajuh digandingkan bersama pada setiap kali sesudah solat Isyak dan Subuh.

Dalam menjalani *khalwah*, guru sebagai pemimpin dan pembimbing akan melihat hal keadaan murid dan memberi tunjuk ajar serta nasihat agar mereka sentiasa berada di atas landasan yang betul. Di samping itu, guru juga berperanan untuk mengubah atau meningkatkan tahap amalan murid. Tingkatan amalan yang menjadi tunggak utama dalam Tariqah Naqshabandiyah Khalidiyyah tujuh perkara;³⁸

Pertama: *Mukāshafah*

Huraiannya ialah mula-mula berzikir dengan menyebut "Allah" dalam hati sebanyak lima ribu kali sehari semalam. Setelah melapurkan perasaan selama berzikir maka syekh atau mursyid akan menaikkan

zikirnya menjadi enam ribu kali sehari semalam. Zikir lima ribu dan enam ribu itu dinamakan zikir *mukāshafah* sebagai maqam (tingkat) pertama.

Kedua: *Laṭāif*

Penjelasannya iaitu setelah melapurkan perasaan yang dialami dalam berzikir itu maka atas penilikan syeikh, dinaikkan zikirnya menjadi tujuh ribu. Dan demikianlah seterusnya menjadi lapan ribu, sembilan ribu, 10 sampai 11 ribu kali sehari semalam. Zikir tersebut dinamakan *laṭāif* sebagai maqam kedua. Maksud zikir *laṭāif* ialah menyebut Allah dalam hati dengan jumlah dan maqam yang berbeza. Maqam *laṭīfah-laṭīfah* tujuh iaitu; pertama: *Laṭīfah al-Qalb*; zikir sebanyak lima ribu kali ditempatkan di bawah tetek sebelah kiri, sekira-kira dua jari dari rusuk. Kedua: *Laṭīfah al-Rūḥ*; zikir sebanyak seribu kali, di bawah tetek kanan, sekira-kira dua jari ke arah dada. Ketiga: *Laṭīfah al-Sirr*; zikir sebanyak seribu kali, di atas dada kiri, sekira-kira dua jari ke kanan. Keempat; *Laṭīfah al-Khaḥī*; zikir sebanyak seribu kali, di atas dada kanan, sekira-kira dua jari ke arah dada. Kelima; *Laṭīfah al-Akhfā*; zikir sebanyak seribu kali, di tengah-tengah dada. Keenam; *Laṭīfah al-Nafs al-Nātiqah*; zikir sebanyak seribu kali, di atas kening. Ketujuh; *Laṭīfah Kul al-Jasad*; zikir sebanyak seribu kali, di seluruh tubuh. Jadi jumlah zikir “Allah”, “Allah” pada semua peringkat itu sebelas ribu kali. Sesudah zikir *Ism al-Zāt* (menyebut nama Allah) diganti dengan zikir *Nafī Ithbāt* (menyebut *lā ilāha illa Allah*).

Ketiga: *Nafī*

Penerangannya ialah setelah melapurkan perasaan yang dialami dalam berzikir 11 ribu kali itu, maka atas pertimbangan syeikh ditukar zikirnya dengan kalimah *lā ilāha illa Allah*.

Keempat: *Wuquf Qalbi*

Kelima: *Ahadiyyah*

Keenam: *Ma'iyah*

Ketujuh: *Tahlīl*

Apabila tiba saatnya menurut pandangan syeikh, maka orang yang berada di maqam *Tahlīl* atau maqam ketujuh itu diangkat menjadi

Khalīfah. Tingkat tertinggi bagi lelaki adalah *khalīfah* dan bagi wanita *Tahlīl*.

Penutup *khalwah* akan dilakukan setiap 10 hari iaitu pada awal pagi tersebut setiap pengamal *khalwah* akan melakukan *Dam* iaitu membaca istighfar seribu kali, selawat seribu kali, surah al-Fatihah seratus kali dan surah al-Ikhlās seribu kali kemudian diserahkan kepada guru untuk disampaikan kepada sekalian arwah salasilah Ṭarīqah Naqshabandiyyah Khālidiyyah hingga kepada rasulullah SAW.

Sementara majlis Khatam Khujakan yang dilakukan selepas solat Asar pada hari kesepuluh menandakan berakhirnya *khalwah* yang dijalankan. Ditutupi majlis tersebut dengan *tahlil lisan (lā ilāha illa Allah)* dan doa yang dikendalikan oleh syeikh yang memimpin.

- b. Ṭarīqah Ahmadiyyah Ṭarīqah ini diasaskan oleh Syeikh Ahmad bin Idris³⁹ yang berasal dari Kota Fes, Maghribi.⁴⁰ Kini di Mesir, ṭarīqah ini dikenali sebagai *al-Ṭarīqah al-Ahmadiyyah al-Rashīdiyyah al-Dandrawiyyah*.⁴¹ Sementara di Malaysia hanya disebut sebagai Ṭarīqah Ahmadiyyah. Perkembangan dan pergerakan tariqah tersebut dapat dilihat dan diamalkan di dua buah negeri iaitu Kelantan dan Negeri Sembilan. Syeikh 'Abd al-Samad bin Muhammad Sālīh yang dikenali juga sebagai Tuan Tabal adalah merupakan penyebar yang terawal di Kelantan. Di samping itu terdapat juga ajaran Ṭarīqah Ahmadiyyah yang dipimpin oleh Syeikh Haji Daud bin Haji Umar al-Libadi⁴² yang berlokasi di Bukit Abal, Kelantan. Manakala peneraju awal di Negeri Sembilan pula ialah Syeikh Muhammad Sa'īd al-Linqī yang mana dari galur salasilahnya yang masih terdapat dan diamalkan sekarang.

Amalan dan *khalwah* dalam Tariqah Ahmadiyah

Tariqah ini seperti tariqah-tariqah lain mempunyai zikir khusus untuk diamalkan pada waktu siang dan malam. Demikian juga amalan muraqabah dan jazbah jalaliyyah serta amalan-amalan lain yang diketahui oleh khalifah-khalifah dalam tariqah. Antara wirid dan zikir tersebut seperti *Fātiḥah al-Awrād*, *Tahlīl*, *al-Ṣalāh al-'Azimiyyah*, *al-Istighfār al-Kabīr*, *al-Maḥāmid al-Thamāniyyah*, *al-Aḥzāb al-'Arba'ah 'Ashar (al-Ṣalawāt al-'Arba'ah 'Asharah)*, *al-Hiswan al-Māni'ah* dan *al-Aḥzāb*.⁴³

Semua perkara tersebut dijadikan amalan setelah seseorang itu menerima talqin daripada syeikh tariqah yang berhak memberi tunjuk ajar dan *bai'ah*. Sesudah itu dia akan digolongkan sebagai ikhwan dalam kalangan ahli tariqah tersebut. Syarat ini hanya dikenakan kepada sesiapa yang bersungguh-sungguh ingin beramal dengan ajaran tariqah Ahmadiyah sahaja. Manakala sesiapa yang ingin beramal dengan wirid dan zikir tidak menjadi satu kesalahan jika mereka beramal dengannya.⁴⁴

Dalam kegiatan amalan ajaran tariqah Ahmadiyah juga terdapat galakan-galakan supaya para ikhwan tariqah tersebut melakukan *khalwah*. Mereka yang biasa mengerjakan *khalwah* biasanya terdiri daripada *ikhwan* yang kanan atau syeikh-syeikh dan pemimpin-pemimpinnya sahaja. Sebagai contoh dapat dilihat kepada amalan *khalwah* yang dilakukan oleh Haji Daud bin Haji Umar, Syeikh Tariqah Ahmadiyah kumpulan bukit Abal yang mana beliau melakukannya secara teratur dan dengan penuh disiplin iaitu pada setiap selesai solat Maghrib, selepas solat Isyak dan sesudah solat Subuh.⁴⁵

Dalam *khalwah* tersebut mereka dapat melakukan *muraqabah* kepada Allah. Zikir yang mereka amalkan ketika melakukan *khalwah* iaitu seperti selawat *al-'Azimiyyah* begitu juga *al-Istighfār al-Kabīr*, sebab kedua-dua zikir ini dianggap langsung berasal dari Syeikh Ahmad bin Idris. Selain itu, zikir *Rūh* dan zikir *Sirr* juga dikatakan tinggi nilainya.

Demikian juga zikir yang istimewa seperti Allah, *hu hu* dan juga *la ilaha illa Allah* secara berulang-ulang.⁴⁶

Oleh demikian, dapat kita simpulkan bahawa dalam Tariqah Ahmadiyah, *khalwah* yang dilaksanakan hanyalah berbentuk individu sahaja atau yang dikenali sebagai *khalwah* secara sendirian. Wirid dan zikir yang diamalkan ketika ber*khalwah* tidak ditetapkan. Ia adalah berupa *ijtihad* masing-masing berpandukan zikir dan wirid yang diamalkan sebelum *khalwah*. Dan yang terakhir sekali ialah tingkatan zikir dalam *khalwah* juga tidak dibincangkan melainkan wirid dan zikir yang dianggap istimewa diulang-ulang dan diamalkan.

Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dinyatakan ialah *khalwah* merupakan salah satu cara dalam meningkatkan amalan seseorang untuk menuju kepada Allah SWT melalui amalan berzikir yang berterusan tidak kira siang dan malam, berdiri, duduk ataupun berbaring. Teknik yang diguna pakai oleh pengamal *khalwah* adalah pelbagai, tetapi bertepatan dengan ajaran dan nilai-nilai Islam. Apa-apa jenis *khalwah* yang diamalkan di Malaysia dewasa ini sama ada secara bersendirian atau berjemaah sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan kerohanian dan akhlak seseorang agar menjadi manusia yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Seterusnya menjadi model dan ikutan dalam membaiki diri dan masyarakat sejagat.

Nota Hujung

- ¹ Zarruq, Abu al-'Abbas Ahmad ibn Ahmad. 1970. *Qawa'id al-Tasawuf*. hlm. 39.
- ² *Tahannuth* iaitu beribadah. Lihat Humaidi, Muhammad ibn Futuh. 2002. *al-Jam' Baina al-Sahihain al-Bukhari Wa Muslim*. Beirut: Dar Ibn Hazm, c.2, v.3, hlm.294.
- ³ al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. 1987. *al-Jami' al-Sahih al-Mukhtasar*. Beirut: Dar Ibn Kathir, c.3, v.1, hlm.4. Hadith tersebut diriwayatkan oleh Aisyah yang bermaksud: *permulaan wahyu yang diterima oleh Rasulullah SAW ialah mimpi yang benar dalam tidur. Setiap kali bermimpi Baginda melihat ada yang*

datang bagaikan cahaya yang terang di pagi hari. Kemudian baginda gemar mengasingkan diri. Ia pergi ke Gua Hira' bertahannuth (beribadat) beberapa malam, dengan membawa bekalan. Kemudian ia kembali ke rumah Khadijah dan Khadijah pun membekalkan makanan seperti biasa. Sehingga akhirnya datanglah kebenaran kepadanya ketika ia berada di Gua Hira' itu..

- 4 al-Kurdi, Muhammad Amin. 1384H. *Tanwir al-Qulub*. Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah. hlm. 551.
- 5 *Mursyid* iaitu penunjuk, pembimbing, pendidik, pengasuh tentang perkara-perkara yang benar dan baik. Lihat Ibn Manzur, Abu al-Fadhl Jarnal al-Din. 1956. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadr, Jld. X, hlm. 175.
- 6 'Abdul Qadir 'Isa. 2000. *Haqiq 'An al-Tasawuf*. Halab: Darul 'Irfan, hlm. 91.
- 7 Al-Jurjani, 'Ali Ibn Muhammad. 1405H. *al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi. hlm. 136.
- 8 Ibn 'Ajjabah, Ahmad ibn Muhammad. 1983. *Iqaz al-Humam; Sharh Matn al-Hikam*. Kaherah: Dar al-Ma'arif, hlm. 55.
- 9 Al-Hakim, Muhammad ibn 'Ali. *Khatm al-Awliya'*. Beirut: al-Kathulikiyyah. hlm. 476.
- 10 Al-Khani, Muhammad ibn 'Abdullah. 2005. *al-Bahjah al-Saniyyah Fi Adab al-Tariqah al-'Aliyyah al-Khalidiyyah al-Naqshabandiyyah*. Istanbul: Maktabah al-Haqiqah. hlm. 94.
- 11 Al-Khani. *al-Bahjah al-Saniyyah*. hlm. 94.
- 12 Ibn 'Ajjabah. 1983. *Iqaz al-Humam*. hlm. 55.
- 13 Ibid.
- 14 Al-Jurjani. 1405H. *al-Ta'rifat*, hlm. 194.
- 15 Ibid.
- 16 Ibid.
- 17 Ibn al-Athir, Abu al-Sa'adat al-Mubarak ibn Muhammad al-Jazari. 1969. *Jami' al-Usul Fi Ahadith al-Rasul*. Kaherah: Maktabah Dar al-Bayan. 1:231.
- 18 Kamus Dewan. 2005. Ed. Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- 19 Zarruq, Abu al-'Abbas Ahmad ibn Ahmad. 1970. *Qawa'id al-Tasawuf*. hlm. 39.
- 20 Surah al-Muzammil, 73:8.
- 21 Surah al-A'raf, 7:205.
- 22 Al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad ibn 'Umar. 2000. *Mafatih al-Ghaib*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.30:157.
- 23 Surah al-A'raf, 7:142-143.

- ²⁴ Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya ibn Sharaf. 1997. *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr. 1:13.
- ²⁵ al-Ghazali, Muhammad ibn Muhammad. t.t. *Ihya' 'Ulum al-Din*, Beirut: Dar al-Ma'rifah. 1:33.
- ²⁶ Muslim ibn al-Hajjaj. 1334H. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Jil. 3:175.
- ²⁷ al-Hafni, 'Abd al-Mun'im. 1992. *al-Mausu'ah al-Sufiyyah*. Kaherah: Dar al-Rashid. hlm. 394.
- ²⁸ Ibid. hlm. 393.
- ²⁹ Shaghir, Wan Mohd Shaghir bin Wan Abdullah. 1985. *Syeikh Ismail al-Minangkabawi Penyiar Thariqat Naqshabandiah Khalidiyah*. Ramadhani. hlm. 7.
- ³⁰ al-Hafni, 'Abd al-Mun'im. 1992. *al-Mausu'ah al-Sufiyyah*. hlm. 219.
- ³¹ Surah al-Fath, 48:10.
- ³² Said. t.t. *Hakikat Tarikat Naqsyabandiah*. hlm. 60.
- ³³ Al-Kurdi, Muhammad Amin. 1384H. *Tanwir al-Qulub Fi Mu'amalah 'Allam al-Ghuyub*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. hlm. 517-520.
- ³⁴ Al-Humaidi, Muhammad ibn Futuh. 2002. *al-Jam' Baina Sahihain al-Bukhari Wa Muslim*. Beirut: Ibn Hazm. 3:192.
- ³⁵ Surah al-A'raf, 7:142.
- ³⁶ Hari-hari tersebut adalah berdasarkan pengamatan dan hasil kajian penulis.
- ³⁷ Said. t.t. *Hakikat Tarikat Naqsyabandiah*. hlm. 60.
- ³⁸ Ibid., hlm. 60-61. Terdapat beberapa ringkasan dan perubahan struktur ayat dilakukan.
- ³⁹ Tariqah Ahmadiyyah yang diamalkan di Malaysia bukanlah pengasasnya Syeikh Ahmad Badawi seperti Tariqah Ahmadiyyah yang terkenal di Mesir.
- ⁴⁰ Murtadha, Syeikh Mohd Murtadza bin Syeikh Haji Ahmad dan Dr. Mahmud Saedon. 1993. *Mengenal al-Tarekat al-Ahmadiyyah*. Seremban: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. hlm. 1-2.
- ⁴¹ al-Linqi, Ahmad bin Muhammad Sa'id. t.t. *Faraid al-Ma'athir li al-Tariqah al-Ahmadiyyah al-Rashidiyyah al-Dandrawiyyah*. Persatuan Ulama' Malaysia. hlm. 40-41.
- ⁴² Ahmad ibn Idris. 1323H. *al-Ahزاب al-'Irfaniyyah wa al-Awrad al-Nuraniyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah. hlm. 1-2.
- ⁴³ Murtadha, 1993. *Mengenal al-Tarekat al-Ahmadiyyah*. hlm. 18. Juga lihat al-Linqi. t.t. *Faraid al-Ma'athir...* . hlm. 44-45.
- ⁴⁴ al-Linqi, Ahmad bin Muhammad Sa'id. t.t. *Faraid al-Ma'athir ...* hlm. 10.

- ⁴⁵ Lihat Ahmad ibn Idris. 1323H. *al-Ahzab al-'Irfaniyyah wa al-Awrad al-Nuraniyyah*. hlm. 88.
- ⁴⁶ Muhammad Nazir bin Che Ibrahim. 1979. *Tariqah-tariqah di Kelantan; Sejarah Dan Disiplinnya Dengan Tumpuan Khusus Tariqah Ahmadiyyah di Bukit Abal*. Latihan Ilmiah, Sarjana Muda. Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 133.